ستياءوسها كراجأن ترڠڬانو
**SETIAUSAHA KERAJAAN**
**TERENGGANU**

43

SUK. TR.1140/16 Bhg.11 S.K.A (43)
01 Februari 2016
22 R'Akhir 1437

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu.
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri.
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU BIL.1 TAHUN 2016 - PENGEMASKINIAN SEMULA KADAR HARGA MAKANAN UNTUK JAMUAN-JAMUAN YANG DIANJURKAN OLEH SESEBUAH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas

2. Sukacita saya menarik perhatian tuan berhubung langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan bagi tahun 2016 sepertimana Pekeliling Pejabat Perbendaharaan Negeri Bil. 2/2016 (Perbelanjaan Secara Berhemat Bagi Mengawal Perbelanjaan Awam Dalam Bajet Negeri Terengganu Tahun 2016.)

3. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil.1 Tahun 2016 bertarikh 5 Januari 2016 adalah **dibatalkan** berkuatkuasa mulai 4.2.2016. Dengan pembatalan ini, Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu Bil. 29 Tahun 2005 bertarikh 1 Februari 2005 adalah digunapakai semula. Walau bagaimanapun bagi perbelanjaan di para 2- (iii) dalam pekeliling tersebut hendaklah mengambilkira langkah berjimat cermat dan perbelanjaan berhemat.

Sekian terima kasih.

**"TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA)**

s.k

Fail Timbul

09-6276514/wjb.aliza

Surat ini telah di email faks
Pada: 3-2-16
Tandatangan: